



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**ELEMEN FALSAFAH PENDIDIKAN DALAM KANDUNGAN
KURIKULUM PENDIDIKAN KESIHATAN MELALUI SIRI
FILEM ANIMASI UPIN DAN IPIN**

*PHILOSOPHICAL ELEMENTS OF EDUCATION IN THE HEALTH EDUCATION
CURRICULUM THROUGH THE UPIN AND IPIN ANIMATED FILM SERIES*

Siti Aisyah Yap Abdullah^{1*}

¹ Department of Islamic Studies, Universiti of Malaysia Sabah, Malaysia
Email: sitiaisyahyap@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 22.06.2025

Revised date: 20.07.2025

Accepted date: 25.08.2025

Published date: 01.10.2025

To cite this document:

Abdullah, S. A. Y. (2025). Elemen Falsafah Pendidikan Dalam Kandungan Kurikulum Pendidikan Kesihatan Dalam Siri Filem Animasi Upin Dan Ipin. *International Journal of Modern Education*, 7 (27), 22-39.

DOI: 10.35631/IJMOE.727002

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Penjagaan kesihatan dalam bentuk hiburan filem animasi merupakan antara kandungan pendidikan pada masa kini terhadap golongan kanak-kanak. Tujuannya adalah untuk memastikan generasi pelapis masyarakat golongan muda terhindar dari masalah pengabaian penjagaan kesihatan terhadap fizikal, rohani, emosi dan intelektual yang merupakan elemen utama yang terdapat di dalam falsafah pendidikan negara sebagai modal pembangunan insan. Oleh itu, artikel ini menggunakan model proses pembelajaran secara formal, tidak formal, kurikulum tersembunyi dan kurikulum tidak langsung untuk menganalisis elemen-elemen utama tersebut. Dari sudut metodologi, kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kajian perpustakaan dan analisis kandungan data dari filem animasi yang ditonton. Hasil kajian mendapati bahawa siri animasi Upin dan Ipin merupakan antara agen pendidikan kepada penonton untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Kata Kunci:

Pendidikan Kesihatan, Falsafah Pendidikan, Upin dan Ipin, Filem Animasi, Analisis Kurikulum

Abstract:

Health care delivered through animated films represents a significant educational content for children in contemporary society. The objective is to ensure that the younger generation is safeguarded against neglecting health care concerning physical, mental, emotional, and intellectual well-being, which are essential elements outlined in the national education philosophy as

part of human development. Therefore, this article employs models of formal and informal learning processes, hidden curriculum, and indirect curriculum to analyze these key elements. From a methodological perspective, this qualitative study utilizes library research and content analysis of data from the viewed animated films. The findings indicate that the Upin and Ipin animated series serves as an educational agent for viewers to adopt a healthy lifestyle.

Keywords:

Health Education, Educational Philosophy, Upin and Ipin, Animated Films, Curriculum Analysis

Pengenalan

Pendidikan kesihatan di Malaysia memainkan peranan penting dalam memupuk kesedaran dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat. Tujuannya bukan sahaja menyampaikan maklumat mengenai penyakit dan cara pencegahannya, tetapi juga untuk membina kehidupan individu yang lebih berkualiti dan bersifat prihatin terhadap individu lain (Ismail, N., & Khalid, M.K.A., 2024, h.120). Dalam era digital ini, pendekatan inovatif seperti penggunaan media filem animasi semakin mendapat perhatian ramai sebagai alat yang berkesan untuk menyampaikan mesej kesihatan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Hal ini kerana filem animasi memudahkan pemahaman konsep kesihatan yang kompleks untuk golongan kanak-kanak membina personaliti yang sihat dan mempromosikan perkembangan fizikal dan mental secara menyeluruh (Wang, M., 2023, h.660). Oleh itu, kajian mengenai integrasi elemen falsafah pendidikan dalam kandungan kurikulum pendidikan kesihatan melalui media filem animasi adalah relevan untuk memastikan pendekatan yang digunakan selaras dengan matlamat pendidikan negara.

Objektif bagi kajian ini melihat dari tiga perkara, iaitu untuk mengenalpasti elemen falsafah pendidikan dan kurikulum rasmi dan tersembunyi di Malaysia, menilai keberkesanan media filem animasi dalam pendidikan kesihatan dan menganalisis hubungan antara kurikulum rasmi dan tersembunyi melalui filem animasi upin ipin. Untuk mencapai tujuan kajian, model kurikulum rasmi dan tersembunyi akan diteliti untuk mengenal pasti nilai-nilai, prinsip, dan matlamatnya dalam mempengaruhi perkembangan pelajar, melalui interaksi sosial dan budaya di sekolah yang ingin dicapai melalui pendidikan kesihatan. Oleh kerana filem animasi mempunyai potensi besar untuk menyampaikan maklumat pendidikan dengan cara yang menarik, menghiburkan, dan mudah difahami untuk kanak-kanak dan remaja, maka kajian ini akan menilai kandungan mesej, dan konteks penggunaannya adalah amalan terbaik sebagai medium pendidikan kesihatan kerana dilihat mempunyai keupayaan dalam meningkatkan keyakinan diri, memudahkan pembentukan pemikiran positif, meningkatkan kerjasama dan disiplin serta mampu mengawal emosi (Yuanyuan, C., Yahaya, W. A. W., & Jun, Z., 2024, h.70). Seterusnya, isi kandungan filem animasi Upin Ipin yang dipilih berdasarkan topik penjagaan kesihatan akan dianalisis mengenai penerapan nilai-nilai positif dan norma sosial yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan sebagai sebahagian daripada kurikulum rasmi dan tersembunyi.

Berdasarkan objektif di atas, maka kajian ini dilihat penting kerana berupaya memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai elemen falsafah pendidikan boleh diintegrasikan dalam kandungan kurikulum pendidikan kesihatan melalui media filem animasi dengan melihat dari aspek pembangunan insan yang seimbang dengan keupayaan intelek, emosi, sosial, dan rohani secara holistik. Selain itu, kajian ini juga penting untuk para pendidik,

penggubal dasar pendidikan dan industri media kerana berupaya memberikan panduan untuk menghasilkan dan menggunakan filem animasi sebagai medium yang relevan untuk pendidikan kesihatan pada masa kini (Fajar, M. M., Murtinugraha, R. E., & Arthur, R., 2023, h.151). Dengan memahami hubungan antara kurikulum rasmi dan tersembunyi, kajian ini dapat membantu memastikan bahawa pendidikan kesihatan yang disampaikan adalah lengkap dan berkesan dalam membentuk individu yang sihat, bertanggungjawab dan berupaya menyumbang kepada masyarakat pada masa akan datang.

Penjagaan kesihatan terhadap golongan kanak-kanak adalah amat penting kerana mereka merupakan golongan pewaris generasi hadapan bagi sesebuah negara. Definisi bagi kanak-kanak seperti yang termaktub dalam konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak (2001) adalah individu di bawah umur 18 tahun. Untuk memastikan kesejahteraan kanak-kanak, Malaysia juga memberikan tumpuan terhadap kebajikan dan kehidupan kanak-kanak dalam aspek kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan agar dapat menikmati peluang untuk mencapai perkembangan secara menyeluruh dalam persekitaran yang sesuai selain dari faktor kesihatan dipengaruhi oleh gaya hidup, persekitaran dan kesedaran. Oleh itu, penjagaan kesihatan yang melibatkan jasmani, emosi, rohani dan intelektual merupakan antara perkara utama yang dituntut selain dari prestasi akademik yang cemerlang dalam institusi pengajian pada masa kini (Abd Rahman, N. N. H., Arib, N. M. & Karim, D. N. P. M., 2024, h.221). Kesempurnaan kesihatan juga menjadikan masyarakat mampu memberikan sumbangan dalam pembangunan sosioekonomi.

Untuk memastikan matlamat tersebut tercapai, maka pendidikan mengenai kesihatan adalah langkah utama yang perlu dilaksanakan. Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) melaksanakan pendidikan dalam bentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) seperti membaca, menulis, mengira dan menaakul, falsafah pendidikan negara ini juga memerlukan usaha yang berterusan untuk terus meneguhkan penjagaan jasmani, rohani, intelektual dan emosi dengan berpaksikan kepatuhan dan kepercayaan kepada Tuhan (Abas, A. B., 2024, h.7). Pendidikan yang diberikan kepada semua lapisan masyarakat juga seiring dengan harapan agar generasi pada masa hadapan mempunyai rasa tanggungjawab dalam membangunkan negara dengan keseimbangan ilmu pengetahuan, memiliki keterampilan dan berakhlak mulia (Syahrani, A. W., et al, 2022, h.323).

Disebabkan filem animasi merupakan medium yang berkesan dalam menyampaikan maklumat kepada para penonton khususnya terhadap golongan kanak-kanak, maka adalah wajar medium tersebut juga digunakan sebagai platform untuk menyampaikan pengajaran yang berkaitan dengan hal ehwal penjagaan kesihatan. Misalnya, penggunaan filem animasi sebagai bahan pembelajaran berupaya memberikan kefahaman yang lebih efektif dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar mengenai keselamatan kebakaran dalam pendidikan jasmani berdasarkan video dan audio dengan deria penglihatan sebanyak 75% dan 13% dengan pendengaran (Nurfariadah, M. R., 2022, h.128). Video animasi mempunyai kesan yang positif dengan hasil penelitian dengan purata sebanyak 89.3% apabila digunakan dalam proses pembelajaran (Adiati, C. C., Firdaus, R., & Nurwahidin, M., 2023, h.69).

Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat beberapa siri yang ditampilkan sebagai topik penjagaan kesihatan melalui filem animasi Upin dan Ipin, terbitan Syarikat Les' Copaque Sdn Bhd (SLC). Mengenai filem animasi tersebut, SLC merupakan syarikat yang berkembang pesat dengan populariti produk filem animasinya di negara rantau Asia kerana memaparkan kepelbagaian budaya dan juga berdasarkan pengurusan syarikatnya yang mempunyai dimensi

penglibatan, konsisten, adaptasi dan misi dalam mencapai objektifnya (Abdullah, S. A. Y., Siren, N. H., & Mansor, N. H., 2023, h.77-79). Kebanyakan siri cerita di dalam filem animasi Upin dan Ipin juga secara tidak langsung mempunyai pesanan khidmat masyarakat seperti Perintah Kawalan Pergerakan sempena Pandemik Covid-19, kempen membeli barangan tempatan, pencegahan rasuah, amalan penjagaan kebersihan, kesedaran mengenai pentingnya menjaga alam sekitar dan keselamatan diri dan sebagainya. Disebabkan keprihatinan mengenai isu-isu hal ehwal masyarakat yang ditonjolkan melalui penceritaan yang sedemikian, maka tidak menjadi suatu kehairanan apabila ia menjadi dekat dengan seluruh lapisan masyarakat.

Kajian Literatur

Falsafah Pendidikan di Malaysia menekankan pembangunan individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani (Azizan, N. I. et al, 2025, h.1). Falsafah ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan untuk mencapai kesejahteraan diri serta menyumbang kepada masyarakat dan negara. Dalam konteks pendidikan kesihatan, falsafah ini relevan kerana ia menekankan kepentingan menjaga kesihatan fizikal dan mental, serta memupuk nilai-nilai positif seperti kerjasama, disiplin, dan tanggungjawab sosial. Oleh itu, kurikulum pendidikan kesihatan perlu dirancang dengan teliti untuk memastikan ia selaras dengan falsafah pendidikan negara dan dapat membantu melahirkan individu yang seimbang dan harmonis. Sebagai tambahan, menurut Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH, 2025) menyatakan, dalam institusi pendidikan adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan sekolah untuk memastikan tempat tersebut selamat dan sihat untuk guru, kakitangan, pelajar dan pelawat berdasarkan perundangan di bawah seksyen 15, 16, 17 dan 18 dalam akta keselamatan dan kesihatan pekerjaan (AKKP) 1994. Tujuannya adalah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan bagi individu yang terlibat di tempat kerja dilindungi dengan persekitaran yang sesuai terhadap keperluan psikologi dan fisiologi.

Dari sudut persekitaran fizikal kehidupan sosial kanak-kanak selepas melewati waktu persekolahan dilihat tidak holistik dalam penjagaan kesihatan atas faktor pengaruh gaya hidup bersama dengan ahli keluarga, rakan sebaya dan masyarakat sekeliling. Selain itu, faktor masalah obesiti di kalangan kanak-kanak juga boleh berlaku dengan beberapa faktor seperti genetik, status sosio ekonomi, psikologi, amalan diet dan cara hidup sedentari (Nasir, N. C. M., et al, 2021, h.164-168). Sebaliknya pula, kajian daripada Kristianingtyas, E. R., & Kristinawati, W. (2025, h.8554) menyatakan sebahagian golongan remaja mengalami ketidakpuasan terhadap bentuk badan disebabkan kemahuan untuk berpenampilan sempurna secara fizikal dengan mengikut piawaian kecantikan yang tidak realistik atas faktor pengaruh media, budaya dan tekanan sosial yang menjadi kepada perlambangan harga diri supaya diterima oleh norma masyarakat moden akan menjadi penyebab kepada masalah kesihatan anorexia nervosa dan bulimia. Ini menjadikan keadaan kesihatan fizikal secara praktikalnya gagal dilaksanakan dalam kehidupan apabila dewasa kelak jika tidak diberikan pendidikan yang sewajarnya mengenai kesihatan yang sebenarnya.

Dari sudut emosi dan kemahiran sosial kanak-kanak juga merupakan antara penjagaan kesihatan dalaman yang perlu diutamakan. Jika diabaikan ia akan menjadi penyebab kepada masalah kemurungan, kebimbangan dan trauma serta menjadi penghalang untuk berkeupayaan menjadi penyumbang kepada masyarakat. Ini kerana golongan muda mudah terpengaruh dengan gejala sosial atas faktor media sosial, persekitaran semasa, konflik kekeluargaan dan pengaruh rakan sebaya (Ismail, S. H. S., et al, 2021, h.3-4). Dengan memberikan tumpuan terhadap penjagaan kesihatan mental dan emosi secara konsisten dan menghadirkan sokongan

bagi golongan yang terlibat, akan mampu meningkatkan pembangunan yang positif (Muniandy, A., & Badayai, A. R. A., 2025 h.3 & 8). Pembentukan jaringan sokongan sosial dilihat memainkan peranan yang penting terhadap pelajar untuk tujuan pembentukan jati diri dengan baik dalam kehidupan bermasyarakat.

Dari aspek media dalam pendidikan, kajian terdahulu menunjukkan bahawa media filem animasi mempunyai potensi yang besar dalam bidang pendidikan. Filem animasi dapat menarik minat pelajar, memudahkan pemahaman konsep yang kompleks, dan meningkatkan motivasi pembelajaran. Dalam konteks pendidikan kesihatan, filem animasi dapat digunakan untuk menyampaikan maklumat mengenai penyakit, pencegahan, gaya hidup sihat, dan isu-isu kesihatan yang lain dengan cara yang menarik dan menghiburkan. Penggunaan animasi yang merupakan sebahagian dari alatan multimedia interaktif yang digunakan untuk mendidik pesakit, latihan professional kesihatan, penyebaran maklumat kesihatan awam dan berkeupayaan untuk membantu pesakit memahami keadaan kesihatan peribadi dan menjadi alat latihan simulasi bagi pihak profesional kesihatan untuk meningkatkan kemahiran dalam persekitaran yang selamat (Mohid, S. Z., Ramli, R., Khalid, N., & Ab Rahman, N. F., 2024, h.3). Maka, gambaran secara keseluruhan daripada pelbagai pihak mengenai penjagaan kesihatan terhadap kanak-kanak adalah wajar dipaparkan dalam bentuk filem animasi supaya ia mudah disampaikan dalam hiburan secara santai.

Secara khususnya, filem Animasi Upin dan Ipin merupakan siri animasi popular di Malaysia yang memaparkan kehidupan seharian kanak-kanak di kampung. Siri ini bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga menyampaikan mesej-mesej positif mengenai nilai-nilai kehidupan bermasyarakat (Ariff, S. N. M., & Yaakub, Y., 2023, h.92). Beberapa episod Upin dan Ipin memfokuskan kepada isu-isu kesihatan seperti kepentingan menjaga kebersihan diri, mengamalkan pemakanan sihat, dan mencegah penyakit. Siri ini juga mempromosikan nilai-nilai seperti kerjasama, hormat-menghormati, dan kasih sayang, yang penting dalam pembentukan individu yang seimbang. Oleh kerana popularitinya, Upin dan Ipin mempunyai pengaruh yang besar terhadap kanak-kanak di Malaysia hingga ke luar negara (Steven, S., 2023, h.4) dan berpotensi untuk digunakan sebagai alat pendidikan kesihatan yang berkesan. Oleh itu, kajian ini akan meneliti bagaimana siri ini dapat diintegrasikan dalam kurikulum pendidikan kesihatan untuk meningkatkan kesedaran dan amalan kesihatan dalam kalangan kanak-kanak.

Metode Kajian

Metode kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan rekabentuk etnografi untuk meneroka elemen falsafah pendidikan dalam siri filem animasi Upin dan Ipin. Pendekatan kualitatif membolehkan peneliti mendalami pengalaman dan perspektif pelajar dalam konteks pendidikan kesihatan. Etnografi pula membolehkan peneliti memahami budaya pembelajaran yang terbentuk melalui interaksi sosial dalam kelas, serta bagaimana nilai dan norma yang dipaparkan dalam filem animasi mempengaruhi tingkah laku pelajar. Dalam erti kata lain, etnografik adalah kajian untuk mengetahui perkongsian budaya di dalam masyarakat sebagai sebuah komuniti untuk mengenal pasti matlamat atau hala tuju yang dicapai dan etnografi juga merupakan antara model penelitian ilmu sosial asas bagi fenomenologi (Hendriyanto Bujangga, 2024, h.98). Dengan menggunakan pendekatan ini, kajian dapat mengenal pasti dan menganalisis secara mendalam elemen-elemen yang berkait rapat dengan kurikulum rasmi dan tersembunyi.

Kajian keperpustakaan dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan literatur berkaitan dengan falsafah pendidikan, kurikulum dan penggunaan media filem animasi dalam pendidikan kesihatan. Teknik ini merupakan cara pengumpulan data dari pelbagai material seperti buku, majalah, dokumentasi, kitab al-Quran, jurnal, tesis dan naskah yang relevan dengan kajian (Aziz, A. M., et al, 2023, h.1675). Dengan mengkaji kajian terdahulu, penulisan ini boleh menjelaskan bagaimana elemen falsafah pendidikan diterapkan dalam kurikulum pendidikan kesihatan dan juga boleh disampaikan semula dalam bentuk idea yang berlainan dalam perbincangan kajian. Rujukan sekunder seperti tesis, seminar, jurnal, buku, akhbar, majalah dan sebagainya digunakan sebagai bahan sokongan untuk mengukuhkan bukti kajian yang sedang dijalankan. Walaupun demikian, sumber primer juga mempunyai keterbatasan untuk dicapai seperti manuskrip klasik, koleksi peribadi atau di bahagian perpustakaan yang tertutup (Liputo, M. R., 2024, h.174).

Pengumpulan data dilakukan melalui tontonan sistematik terhadap siri filem animasi Upin dan Ipin yang berkaitan dengan tema pendidikan kesihatan. Beberapa episod yang dipilih berdasarkan objektif kajian untuk menganalisis kandungan. Proses ini melibatkan pencatatan elemen-elemen pendidikan yang ditonjolkan, termasuk nilai dan mesej yang disampaikan. Antara tujuan analisis isi kandungan filem animasi ini adalah untuk memahami jalan cerita yang disampaikan dalam bentuk imej, audio atau verbal dan seterusnya bentuk komunikasi tersebut akan diuraikan dengan lebih lanjut menurut tujuan kajian. Analisis data dilakukan berdasarkan hasil tontonan filem dan maklumat yang dikumpul. Kemudiannya data akan dianalisis secara tematik berdasarkan objektif kajian. Analisis kandungan adalah langkah awal sebelum melakukan analisis lain dan analisis tematik pula mengumpulkan pola-pola yang sesuai dengan tujuan dan fenomena yang diteliti (Rozali, Y. A., 2022, h.69 & 72).


Gabungan Model Analisa *Template* dan Model *Immersion/Crystallisation* membolehkan kajian ini dimulakan dengan rangka kerja yang jelas untuk mengenal pasti tema di peringkat awal, sambil mendalami data bagi memperoleh kefahaman yang lebih baik dan komprehensif terhadap fenomena yang dikaji (Nurrisa, F., & Hermina, D., 2025, h.797-798). Tema yang muncul akan dikategorikan menurut elemen falsafah pendidikan dan mengandungi kurikulum rasmi dan tersembunyi. Analisis tematik atau proses analisis melabelkan kod atau corak tertentu terhadap data kajian. Johori, M. R., et al, (2025, h.5) yang memetik daripada Ismail & Abu Bakar (2022) menyatakan bahawa sorotan tematik yang tersusun akan menghubungkan kandungan jurnal dengan agenda penyelidikan semasa. Penyusunan secara tematik terhadap kajian filem animasi bertujuan untuk memastikan maklumat yang ditonton boleh dikod dan dirumus. Ini membolehkan peneliti mengenal pasti hubungan antara elemen-elemen tersebut dan bagaimana mereka berinteraksi dalam konteks pendidikan kesihatan. Dengan cara ini, kajian dapat memberikan gambaran yang jelas tentang keberkesanan media animasi dalam memperkukuh pemahaman pelajar mengenai isu-isu kesihatan yang penting.

Kerangka Kajian

Untuk memperolehi hasil kualiti yang berkesan dalam pendidikan penjagaan kesihatan, ia memerlukan kerjasama dari pelbagai lapisan masyarakat untuk mencorakkannya sebagai proses pembelajaran sepanjang hayat. Antara bentuk pendidikan yang berkaitan adalah seperti dari aspek kesihatan, kebersihan, pemakanan, keselamatan dan lain-lain keperluan secara lahiriah. Pengisian untuk membangunkan kualiti fizikal, rohani, emosi dan intelektual yang terdapat di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi tunjang utama sistem pendidikan di negara ini supaya boleh menjadi panduan utama untuk melengkapkan pembangunan insan (Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E., 2022, h.99). Manakala kerangka kajian penjagaan

kesihatan menurut Moriates, Arora, & Shah (2015) yang terbentuk atau dipengaruhi melalui proses pembelajaran yang terdapat dalam pelbagai keadaan sama ada secara formal, tidak formal, kurikulum tersembunyi dan kurikulum secara tidak langsung mempunyai peranan yang penting dalam perkembangan murid secara menyeluruh untuk persediaan dalam kehidupan pada masa akan datang. Berdasarkan keadaan yang sedemikian, huraian kerangka model kajian pendidikan dalam beberapa bentuk kurikulum adalah seperti berikut:

Rajah 1: Struktur, Proses Dan Kandungan Pendidikan Kurikulum Rasmi Dan Tidak Rasmi.



Sumber: Christopher Moriates, Vineet Arora dan Neel Shah, 2015, McGraw-Hill Education.

Gambarajah di atas menunjukkan kurikulum formal disampaikan melalui kurikulum tersembunyi yang mengandungi penglibatan struktur, proses dan kandungan pendidikan. Ia turut digandingkan bersama dengan kejadian atau interaksi sosial dan ada kalanya melibatkan kurikulum secara tidak langsung sebagai info selingan dalam sukatan pembelajaran. Keempat-empat bentuk kurikulum tersebut dikategorikan kepada dua warna, iaitu hijau dan kelabu dengan tona yang berbeza. Warna yang terang menandakan ia adalah fokus utama yang terzahir di dalam kurikulum secara formal dan tersembunyi. Manakala kurikulum tidak formal dan terjadi secara tidak langsung adalah suatu pendidikan yang mempunyai pendekatan yang tersirat. Walau bagaimanapun, keempat-empat elemen kurikulum tersebut saling mempunyai kaitan dan mempunyai kepentingan yang tersendiri. Kandungan rangka kurikulum tersebut juga mendapati Cuban (1984) turut mempunyai penjelasan yang sama. Huraianya adalah seperti berikut:

- a. **Kurikulum Formal:** Pendidikan formal mengandungi beberapa sukatan pelajaran tertentu mengikut tahap perkembangan dan kesuaian bagi para pelajar. Ia mengandungi kepelbagaian aktiviti pembelajaran yang dirancang secara bertulis atau didokumentasikan sama ada dalam bentuk material atau digital untuk disampaikan kepada pelajar secara langsung. Kurikulum formal adalah struktur pendidikan yang teratur dan sistematik yang

dirancang untuk memenuhi keperluan pembelajaran yang tertentu dengan matlamat untuk membina pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Walaupun demikian, perubahan kurikulum formal adalah tidak mustahil menurut Larry Cuban kerana beberapa faktor dari sudut sosial, ekonomi, budaya dan politik (Raya, A. T., & Rahim, H., 2022, h.8). Dalam konteks ini, guru bertanggungjawab untuk menyampaikan kandungan kurikulum kepada pelajar secara langsung, memastikan bahawa pembelajaran berlaku dengan cara yang konsisten dan berkesan. Kurikulum formal juga berfungsi sebagai panduan untuk penilaian dan pengukuran pencapaian pelajar, memberikan kerangka kerja untuk memastikan bahawa semua pelajar mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti.

- b. **Kurikulum Tersembunyi:** Merujuk kepada elemen pembelajaran yang tidak dinyatakan secara rasmi dalam dokumen kurikulum, tetapi mempunyai impak yang kepentingan terhadap pengalaman pembelajaran terhadap pelajar. Ini kerana bentuk struktur, proses dan isi kandungan di dalam kurikulum tersembunyi mempunyai kesan pembelajaran yang lebih memberangsangkan dengan melibatkan nilai, sikap, dan tingkah laku yang dipelajari melalui interaksi sosial di dalam kelas. Program kokurikulum tambahan atau persatuan misalnya mampu mempengaruhi pembentukan sahsiah dan kecerdasan interpersonal pelajar (Abdullah, S. H. N., & Hassan, Z., 2024, h.289-290). Proses ini sering berlaku secara tidak langsung apabila pelajar menyerap lingkungan budaya pembelajaran daripada rakan sebaya dan guru yang masing-masing telah mempunyai nilai budaya, kepercayaan dan tingkah laku yang tersendiri. Kurikulum tersembunyi ini berupaya membentuk cara berfikir, berinteraksi dan bersosial. Dengan adanya struktur dan proses yang berlaku dalam persekitaran pembelajaran, pelajar dapat mengembangkan kemahiran sosial, mempunyai sifat toleransi dan bekerjasama. Oleh itu, elemen ini sangat penting kerana ia membantu dalam pembentukan sahsiah dan identiti pelajar.
- c. **Kurikulum Tidak Formal:** Merupakan proses pembelajaran yang berlaku di luar sistem pendidikan formal seperti nilai budaya, kepercayaan dan tingkah laku yang diterapkan oleh pelajar dari persekitaran sosial secara tidak langsung. Hal ini adalah berdasarkan dari pengalaman yang diperoleh dari keluarga, jiran, komuniti masyarakat dan media massa yang memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi dan sikap peribadi pelajar. Ini kerana adalah menjadi tanggungjawab utama bagi ibu dan bapa untuk mendidik, mengasuh dan membimbing anaknya untuk berupaya hidup di dalam masyarakat dan tidak sepenuhnya meletakkan hal tersebut kepada institusi sekolah sahaja (Handayani, S., Dwiputri, I. N., & Prayitno, P. H., 2025, h. 223-224). Pembelajaran tidak formal ini sering kali lebih berkesan secara peribadi kerana melibatkan situasi sebenar yang banyak memberi makna dalam realiti kehidupan yang dilalui. Dalam konteks ini, pelajar menghayati erti sebenar tentang tanggungjawab, empati dan nilai-nilai moral melalui interaksi harian. Maka, kurikulum tidak formal mempunyai impak yang penting terhadap perkembangan secara menyeluruh dengan keupayaan untuk memahami budaya dalam kehidupan bermasyarakat dan mampu membina hubungan yang sihat dengan individu lain.
- d. **Kurikulum tidak langsung:** Info yang disampaikan oleh guru di dalam kelas memberikan input tambahan lain kepada pelajar sebagai selingan walaupun ia tiada kaitan dengan sukatan perancangan pembelajaran dan kurang penting untuk dijadikan sebagai input utama. Meskipun dianggap kurang penting untuk pembelajaran utama, elemen ini dapat memberikan perspektif yang berharga dan memperkayakan pengalaman pelajar seperti perkongsian cerita, pengalaman, anekdot atau sejarah yang menambahkan pemahaman tentang topik yang dipelajari. Hazir, O., & Harris, R. (2025, h.3) menyatakan bahawa

kurikulum tidak langsung dapat mendedahkan proses pertukaran idea antara kandungan dan matlamat serta akan mendedahkan jurang antara nilai dan amalan. Maklumat ini sering kali mengaitkan teori dengan amali dan menjadikan pembelajaran lebih relevan dan menarik. Selain itu, kurikulum tidak langsung ini dapat merangsang pemikiran kritis dan kreativiti pelajar dengan memberikan ruang untuk meneroka idea-idea baru dan cubaan berfikir di luar kotak.

Kesimpulannya, pemahaman mengenai pelbagai jenis kurikulum sama ada dalam bentuk formal, tersembunyi, tidak formal dan tidak langsung adalah penting dalam konteks pendidikan untuk memaksimumkan potensi pembelajaran pelajar. Kurikulum formal menyediakan struktur yang jelas dengan sukatan pelajaran yang ditetapkan, memastikan bahawa pelajar menerima pendidikan yang sistematik dan bertujuan. Sebaliknya, kurikulum tersembunyi memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk nilai, sikap, dan tingkah laku pelajar melalui interaksi sosial dalam kelas, yang sering kali tidak dinyatakan secara khusus dalam dokumen kurikulum. Dalam konteks ini, kurikulum tidak formal merujuk kepada pengalaman dan pembelajaran yang diperoleh di luar sistem pendidikan rasmi, seperti melalui interaksi dengan keluarga dan komuniti, yang membentuk karakter dan identiti pelajar. Di samping itu, kurikulum tidak langsung melibatkan maklumat tambahan yang disampaikan oleh guru yang mungkin tidak berkaitan secara langsung dengan sukatan pelajaran, tetapi memberikan perspektif yang berharga dalam pembelajaran. Kesemua elemen ini berinteraksi dan saling melengkapi, membentuk pengalaman pendidikan yang menyeluruh, serta menyediakan asas yang kukuh untuk perkembangan pelajar dalam pelbagai aspek, termasuk pengetahuan, kemahiran sosial, dan nilai moral. Oleh itu, pemahaman yang mendalam tentang kurikulum ini adalah kunci untuk meningkatkan keberkesanan pendidikan.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji elemen falsafah pendidikan dalam kurikulum pendidikan kesihatan melalui filem animasi Upin dan Ipin, serta keberkesanan media ini dalam membentuk individu yang seimbang melalui pendidikan jasmani, kerohanian, emosi dan intelektual. Dapatan menunjukkan bahawa elemen falsafah pendidikan yang terkandung dalam kurikulum rasmi seperti pembentukan akhlak dan pemahaman tentang kesihatan, banyak ditemui dalam pelbagai episod bagi siri animasi ini. Isi kandungan filem animasi Upin Ipin yang memaparkan bentuk penceritaan tersebut akan membincangkan dengan lebih mendalam dari sudut proses kurikulum berdasarkan kerangka kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Butiran dapatan kajian dan perbincangan berdasarkan kandungan siri filem animasi Upin dan Ipin adalah seperti berikut:

Penceritaan Berbentuk Pendidikan Jasmani

Jasmani diukur sebagai tubuh badan manusia yang masih hidup secara fizikal dengan kemampuan anggota pancaindera untuk melakukan perbuatan atau pekerjaan. Hal ini merupakan aset tenaga kerja yang diperlukan dalam ahli masyarakat dalam kalangan ahli keluarga, anggota komuniti dan institusi semasa. Antara bentuk nilai jasmani ialah terdiri dari aspek kesihatan, kebersihan, pemakanan, keselamatan dan lain-lain keperluan secara lahiriah. Keselarian dengan kehendak falsafah pendidikan negara yang mahu melahirkan warga yang bukan sahaja cemerlang dalam pembelajaran secara akademik, tetapi juga keseimbangan yang cergas untuk pembangunan potensi domain yang lain (Zaini, N. M., & Muhamad, T. A., 2022, h.3). Dengan memiliki badan yang sihat juga akan mampu untuk melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang lain dengan baik dan sempurna. Dalam siri filem animasi Upin dan Ipin, antara contoh kandungan penjagaan jasmani mempersembahkan beberapa cerita seperti:

Gambar 1: Babak Siri Animasi Upin Ipin Berbentuk Pendidikan Penjagaan Fizikal.

Sumber: Les Copaque Sdn Bhd.

Berdasarkan contoh babak cerita yang terdapat di Gambar 1A dan 1B, menunjukkan dua contoh aktiviti pembelajaran mengenai kesihatan yang dilakukan di luar kelas dan di dalam kelas. Bagi Gambar 1A, penjagaan kesihatan secara fizikal dari sudut **kurikulum formal** menunjukkan acara sukan di sekolah adalah untuk menjaga kecegasan badan seperti yang tertera di dalam cerita episod *Sedia... Mula!* (2015). Program pembangunan sukan melalui dasar 1 Murid 1 Sukan (1M 1S) pada asasnya ada wajib, namun bagi peringkat pra sekolah hingga tahun 3 pula adalah berdasarkan kepada kemampuan sekolah (Rahman, M. H. A., et al, 2022, h.24). Pendekatan **kurikulum tersembunyi** di dalam cerita tersebut mempunyai beberapa bentuk acara sukan seperti larian dalam guni, bawa bola dalam sudu, terompah gergasi, junjung pundi kacang, tiup belon sampai pecah, gelek gelung rotan dan tarik tali sebagai rangka struktur program untuk menentukan juara pertandingan. Manakala latihan yang dijalankan oleh Upin, Ipin bersama dengan rakan-rakan sekelasnya di kawasan halaman pondok mainan merupakan antara bentuk persekitaran sosial yang dilaksanakan dalam bentuk **kurikulum tidak formal**. Walaupun di akhir cerita menunjukkan pasukan kelas mereka kalah, guru kelas mengungkapkan rasa bangga kerana kesungguhan yang ditunjukkan oleh anak muridnya. Tambahan dialog guru kelas memujuk anak muridnya bahawa menang atau kalah adalah adat pertandingan sebagai mesej penyampaian berbentuk **kurikulum tidak langsung**.


Gambar 2B menampilkan watak Doktor Gigi, iaitu Doktor Ravi dalam episod cerita *Gosok Jangan Tak Gosok* (2009) di dalam siri animasi Upin Ipin. Penjagaan kesihatan gigi merupakan antara pendidikan yang terdapat di dalam **kurikulum formal** amat penting didedahkan kepada kanak-kanak semenjak dari awal usia persekolahan. Dalam perihal ini, perkhidmatan kesihatan pergigian sekolah merupakan platform yang disediakan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kepentingan tersebut dimasukkan dalam akta perkhidmatan seksyen 64 dan 65 akta pendidikan 1996 (akta 550) yang membolehkan murid menggunakan kemudahan yang disediakan untuk memperbaiki kesihatan dan kesejahteraan hidup mereka (Ramlay, 2022). Di dalam cerita ini menunjukkan **kurikulum tersembunyi** dalam bentuk penerangan model cara menggosok gigi yang betul dan kekerapan untuk melakukannya sebagai aktiviti harian oleh Doktor Ravi. Secara tidak langsung, **kurikulum tidak formal** turut didedahkan melalui pengalaman pelajar yang lain seperti Ehsan boleh dikongsi bersama apabila menunjukkan gigi yang cantik apabila mengamalkan penjagaan kebersihan gigi secara peribadi dalam kehidupan seharian walaupun

mempunyai kegemaran makanan yang manis. Hasil pemeriksaan doktor gigi juga telah membuktikan Upin, Ipin, Ehsan, Fizi dan Mei Mei sebagai pelajar yang boleh dicontohi dalam penjagaan kesihatan gigi. Sebaliknya, **kurikulum tidak langsung** menceritakan Jarjit dan Mail perlu mendapatkan rawatan doktor gigi apabila mempunyai gigi rosak yang perlu ditampal dan dicabut akibat dari tidak menitikberatkan penjagaan kesihatan gigi.

Penceritaan Berbentuk Pendidikan Kerohanian

Pembangunan rohani merupakan elemen sama penting dengan fizikal di dalam pembangunan insan dari sudut akhlak. Ini kerana pendidikan rohani berupaya membantu individu pelajar untuk mengenali hakikat tujuan hidup. Sekiranya diabaikan, hal ini akan berkait dengan masalah kesihatan mental, keruntuhan akhlak dan kes jenayah berat. Bagi non-muslim, masalah kerohanian terdapat dalam senarai silibus pendidikan moral seperti masalah bunuh diri, ketagihan alkohol, dadah, pengguguran kandungan, sumbang mahram, rasuah, pencemaran alam dan sebagainya. Dengan pengisian nilai rohani yang kukuh, maka akan terpancar personaliti manusia. Manakala dengan perilaku yang buruk, dilihat sebagai suatu penyakit yang perlu dicegah dan dirawat dengan sebaiknya seperti penyakit jasmani. Selain itu, pendidikan rohani yang baik juga boleh mengukuhkan semangat individu untuk menghadapi cabaran hidup dengan penuh keyakinan dan integriti yang baik (Mahadjani, M., et al, 2025, h.512).

Gambar 2: Babak Siri Animasi Upin Ipin Berbentuk Pendidikan Kerohanian.



Sumber: Les Copaque Sdn Bhd.


Gambar 2A menunjukkan babak cerita dalam episod *Seronoknya Membaca* (2009) merupakan antara contoh pembelajaran **kurikulum formal** dengan kemahiran membaca. Isi kandungan proses pengajaran dan pembelajaran menunjukkan **kurikulum tersembunyi** apabila di dalam cerita ini memilih kisah Sang Arnab dan Kura-Kura sebagai bahan membaca secara bersama. **Kurikulum tidak formal** kemudian berlaku apabila Mail tidak bersetuju bahawa Arnab yang boleh berlari dengan lebih laju kalah dengan kura-kura, sedangkan pengakhiran cerita tersebut dipersetujui oleh semua murid-murid yang lain bahawa Kura-Kura menang dalam pertandingan lumba lari dengan Arnab disebabkan oleh sikapnya yang tidak berputus asa. Maka Cikgu Jasmin pun memberi nasihat kepada Mail, “Mail, tak salah kita ada pendapat sendiri. Tapi, kita kenalah ikut cerita yang kita baca, faham?” dan hasil dari cerita ini juga membuatkan Cikgu Jasmin juga berkata, “Murid-murid, cerita ni mengajar kita untuk menghormati orang lain. Jangan jadi macam Arnab, suka cakap besar, sombong, tapi, tengok kura-kura, dia menang. Kenapa?” Mendengar soalan Cikgu Jasmin, Mei Mei pun menjawab,

“Haa, sebab kura kura rajin usaha. Arnab ejek pun, dia tetap usaha.” Jawapan tersebut dipuji oleh Cikgu Jasmin dan meneruskan katanya, *“Kan bagus kalau kita pandai membaca. Membaca ni jambatan ilmu. Jadi, lagi banyak buku cerita yang kita baca, lagi banyak pengajaran yang kita dapat. Tapi, kita mesti faham apa yang kita baca. Ingat ya?”* Nasihat tersebut disambut baik oleh murid-murid di dalam kelas. **Kurikulum tidak langsung** ini mengandungi penerapan unsur kerohanian untuk membentuk jati diri kepada generasi muda. Pendidikan kerohanian dalam cerita Upin dan Ipin mengajarkan bahawa dengan mempunyai nilai bertoleransi juga turut memudahkan interaksi sosial walaupun individu lain mempunyai pandangan yang berbeza (Hamdani, F., & Bakht, M. E. A., 2025, h.96).

Manakala aktiviti luar kelas bagi **kurikulum formal** yang terdapat di dalam Gambar 2B, menunjukkan ahli bomba yang dijemput khas oleh pihak sekolah. Pendidikan ini juga merupakan antara kempen kesedaran untuk menyelamatkan diri dari sebarang mara bahaya. Berdasarkan surat pekeliling Ikhtisas Bil 8/1978 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Kum Boo, 1978) menggariskan beberapa panduan kawad kecemasan kebakaran untuk semua sekolah supaya pihak kakitangan dan para pelajar tidak panik dengan keadaan tersebut. Melalui siri filem animasi Upin Ipin yang mengetengahkan cerita bertajuk *Sedia Menyelamat* (2012) ini menunjukkan ketua bomba memberikan taklimat mengenai cara-cara menyelamatkan diri ketika berlaku kebakaran. **Kurikulum tersembunyi** ini memaparkan babak Ketua Bomba menunjukkan set peralatan yang terdapat di dalam trak bomba untuk menghadapi kecemasan memadam kebakaran dan melantik beberapa murid secara rawak untuk melakukan demonstrasi memadamkan api yang kecil. Aktiviti ini juga mendedahkan kepada murid-murid supaya berhati-hati dengan punca kebakaran seperti lilin, ubat nyamuk, api dapur atau seterika. Selain itu, **kurikulum tidak formal** memaparkan sahutan murid-murid yang menunjukkan minat untuk menceburi bidang kerjaya tersebut apabila dewasa kelak. Tambahan pula, bidang ini juga boleh diceburi oleh wanita. **Kurikulum tidak langsung** tersebut menyampaikan mesej kepada generasi muda supaya mempunyai cita-cita untuk berbakti kepada masyarakat apabila telah dewasa pada suatu hari kelak tanpa mengira perbezaan jantina. Taklimat kemudiannya diakhiri dengan murid-murid di sekolah tersebut diberikan pengalaman menaiki trak bomba.

Penceritaan Berbentuk Pendidikan Emosi

Emosi adalah respon dari hasil perasaan dalam pemikiran terhadap situasi. Berdasarkan Teori Kecerdasan Emosi yang dikemukakan oleh Daniel Goleman (1995), Omar, R., & Hamzah, N. (2025, h.63) berpandangan bahawa ia adalah kemampuan individu yang mempunyai kesedaran diri, pengurusan diri dan motivasi diri. Manakala emosi dalam berkemampuan sosial pula adalah dengan mempunyai empati dan pengurusan hubungan. Hal ini memperlihatkan bahawa emosi bukan sahaja berkenaan dengan diri sendiri, tetapi juga terhadap orang lain untuk membina persekitaran yang produktif sekiranya dilihat dari sudut kehidupan berorganisasi di alam pekerjaan. Nilai emosi ini juga boleh dikesan melalui akhlak yang mulia dan dengan emosi juga menunjukkan petanda inti bagi segala jenis ibadah yang dilakukan kerana ia turut berhubungan dengan manusia yang lain.

Gambar 3: Babak Siri Animasi Upin Ipin Berbentuk Pendidikan Emosi.

Sumber: Les Copaque Sdn Bhd.

Gambar 3A merupakan cerita episod Ikhlas dari Hati (2011). Di dalam cerita ini, seluruh penduduk kampung Durian Runtuh tahu mengenai kebakaran rumah Ijat yang merupakan antara kawan Upin dan Ipin. **Kurikulum formal** di sekolah memperlihatkan Tan Sri Zaleha atau lebih mesra dipanggil sebagai Tok Wan dijemput untuk menyampaikan kempen kesedaran untuk menderma. Melalui Projek *Power of 10 sen*, Tok Wan menyatakan ia boleh dikumpul dari setiap individu untuk tujuan diberikan kepada orang yang lebih memerlukan seperti orang yang ditimpa kemalangan, kesusahan, bencana, kebakaran dan lain-lain lagi. Info dari **Kurikulum tersembunyi** tersebut membuatkan Upin, Ipin dan rakan-rakan mula membantu Ijat dengan usaha mengumpul wang sumbangan daripada warga Kampung Durian Runtuh dengan berkunjung ke setiap kawasan rumah jiran tetangga, kedai runcit dan tapak perniagaan di pasar. Aktiviti kebajikan dari **kurikulum tidak formal** itu membuahkan hasil apabila Ijat menerima sumbangan tersebut berserta dengan lain-lain barangan terpakai seperti pakaian yang masih elok dan buku daripada Ehsan dan Mei Mei di sekolah. Hal tersebut dipuji oleh Cikgu Jasmin dengan berkata, *“Haa, macam inilah kita berkawan. Bila kawan dalam kesusahan, kita tolong. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.”* **Kurikulum tidak langsung** tersebut memperlihatkan akhlak yang sedemikian sangat dianjurkan sebagai tanda kasih sayang, perasaan simpati dan empati terhadap orang yang ditimpa kesusahan. Oleh yang demikian, tindakan menghulurkan bantuan kewangan dan sebagainya adalah amat wajar untuk meringankan beban yang dihadapi.

Gambar 3B pula menunjukkan Cikgu Jasmin menyerahkan buku kepada Jarjit. Kisah dari Episod *Raja Pemburu* (2010) pada awal babak memperlihatkan senario Jarjit berasa takut, sedih dan gelisah kerana kehilangan buku yang dipinjam dari perpustakaan bergerak yang disediakan oleh pihak sekolah. Pembelajaran **kurikulum formal** menggalakkan pelajar membaca buku untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Melalui aktiviti peminjaman buku, **kurikulum tersembunyi** sedikit sebanyak mengajar erti rasa tanggungjawab untuk menjaga barang yang dipinjam oleh pelajar. Ini kerana peraturan peminjaman buku menurut Akta Perpustakaan Negara 1972 (Arshad, 1977) yang telah menetapkan bahawasanya seseorang pembaca berdaftar bertanggungjawab atas bahan yang dipinjam dan mesti dilaporkan dengan segera jika berlaku kerosakan atau kehilangan. Perasaan tersebut membuatkan Jarjit meminta bantuan daripada Upin dan Ipin untuk mencari buku berkenaan. Maka **kurikulum tidak formal** berkenaan turut mendapat kerjasama daripada rakan-rakan yang lain untuk turut sama membantu kerana turut sama prihatin dengan nasib Jarjit. Akhirnya, misteri kehilangan buku

Jarjit berjaya dirungkaikan apabila buku itu sebenarnya telah dicuri oleh monyet ketika leka bermain di petang hari bersama Mei Mei dan Devi. Ijat yang menemui buku tersebut kemudiannya memulangkan kepada Cikgu Jasmin di kelas. Sebagai **kurikulum tidak langsung**, kesempatan ini digunakan oleh Cikgu Jasmin dengan menasihati pelajarnya supaya segera melaporkan kehilangan buku atau barang kepada pihak berautoriti supaya lebih memudahkan bantuan yang sewajarnya boleh dilakukan dengan lebih pantas.

Penceritaan Berbentuk Pendidikan Intelektual

Nilai intelektual mempunyai beberapa manfaat mengenainya seperti berperanan sebagai memberi petunjuk atau jalan penyelesaian, mampu membina gagasan dan idea, sebagai pemangkin perjuangan terhadap perubahan bangsa dan negara, mampu melahirkan gerakan pada setiap penjuru dunia, berpengaruh untuk menghidupkan suasana kehidupan masyarakat yang penuh dengan ilmu dan ilmiah serta mampu mewariskan pengaruh terhadap usaha pembangunan arus perubahan. Usaha menghasilkan intelektual ini memerlukan integrasi nilai moral dalam dasar pendidikan yang memerlukan peranan guru (Ixfina, F. D., & Rohma, S. N., 2025, h.222). Akhlak yang berhubung dengan proses keilmuan dan pendidikan tersebut dilihat sebagai potensi utama untuk menyaring ilmu-ilmu bermanfaat yang selaras dengan ajaran Islam.

Gambar 4: Babak Siri Animasi Upin Ipin Berbentuk Pendidikan Intelektual



Sumber: Les Copaque Sdn Bhd.

Kurikulum formal yang terdapat di dalam Gambar 4A merupakan antara babak cerita di dalam episod *Belajar Sambil Main* (2014) yang menunjukkan Cikgu Melati mula memperkenalkan kaedah pembelajaran dengan menggunakan Tablet di sekolah. Selaras dengan perubahan zaman, pembelajaran tidak lagi memerlukan buku teks secara fizikal kerana perisian yang terdapat di dalam alatan teknologi tersebut telah dilengkapi dengan pelbagai jenis sukatan mata pelajaran yang bersesuaian mengikut tahap pendidikan bagi peringkat Sekolah Tadika. **Kurikulum tersembunyi** yang terdapat di dalam alatan tersebut menyenaraikan beberapa subjek seperti membaca sambil menyanyi, mengira dan melukis. Manakala **kurikulum tidak formal** menunjukkan Kak Ros mempunyai Tablet peribadi dan mendedahkan lain-lain fungsi yang terdapat pada alatan teknologi tersebut kepada Upin dan Ipin seperti untuk mendengar lagu, main *game*, kamera dan tengok video. **Kurikulum tidak langsung** turut mengajar mereka bahawa walau secanggih apa pun teknologi yang ada, sekurang-kurangnya kewujudan buku secara fizikal boleh mengajar mereka menulis.

Berikutnya, pendidikan **kurikulum formal** untuk membentuk intelektual di luar kelas terpapar melalui Gambar 4B di dalam episod *Ekosistem* (2016) menunjukkan Cikgu Melati membawa murid-muridnya ke Taman Mesra dalam kawasan Sekolah Tadika untuk mempelajari ilmu memelihara alam semulajadi dan Ekosistem. **Kurikulum tersembunyi** pula berdasarkan keadaan alam sekeliling seperti bunga, matahari, langit, pokok, ranting, kolam air dan sebagainya. Kemudian Cikgu Melati pun memberitahu maksud Ekosistem kepada murid-muridnya, *“Ekosistem adalah interaksi atau hubungkait antara benda hidup dengan benda bukan hidup dalam alam semulajadi. Maknanya, kedua-duanya mesti ada. Contohnya, lihat pokok-pokok bunga ni... pokok-pokok ni hidup segar. Sebab apa?”* tanya Cikgu Melati. Upin pun menjawab, *“Sebab dapat cahaya matahari dan air.”* Cikgu Melati pun memuji Upin. Kemudian semua murid-murid kelas diberikan tugas untuk membina suatu ekosistem. Di rumah, Upin dan Ipin mempelajari pembuatan ekosistem daripada Kak Ros sebagai **kurikulum tidak formal**. Keesokan harinya, selepas mereka membentangkan ekosistem di dalam kelas, Mereka semua memahami bahawa ekosistem ini secara semulajadinya terbentuk dengan pertalian antara udara, air, matahari dan sumber-sumber yang lain sebagai penerus hayat bagi semua makhluk di alam ini. Maka dengan itu, **kurikulum tidak langsung** tersebut disimpulkan oleh Cikgu Melati dengan berkata, *“Cikgu harap murid-murid sudah faham, mustahaknya menjaga alam sekitar supaya kita boleh hidup dengan sihat, segar, aman dan damai.”*

Secara keseluruhannya, kajian ini menekankan kepentingan integrasi media dalam pendidikan kesihatan dan bagaimana filem animasi dapat digunakan sebagai alat yang berkesan untuk membentuk individu yang seimbang dari aspek intelek, emosi, sosial, dan rohani. Dapatan ini mencadangkan bahawa pihak berkuasa pendidikan perlu mempertimbangkan penggunaan media animasi dalam kurikulum pendidikan kesihatan sebagai satu strategi untuk meningkatkan pembelajaran dan penghayatan pelajar.

Penutup

Kajian ini telah berjaya mengenalpasti elemen falsafah pendidikan yang mengandungi pendidikan fizikal, rohani, emosi dan intelektual terdapat di dalam kurikulum rasmi dan tersembunyi di Malaysia. Dalam konteks pendidikan kesihatan melalui siri filem animasi Upin dan Ipin, hasil analisis menunjukkan bahawa media filem animasi ini bukan sahaja berkesan dalam menyampaikan maklumat kesihatan, tetapi juga mampu membentuk nilai dan sikap positif terhadap kanak-kanak untuk memahami isu-isu kesihatan yang relevan. Dalam perancangan pada masa hadapan, adalah penting untuk mengintegrasikan lebih banyak elemen media secara interaktif dalam kurikulum pendidikan kesihatan untuk menarik perhatian pelajar. Namun, terdapat cabaran yang dihadapi seperti kekurangan sumber dan latihan guru dalam penggunaan media secara berkesan. Oleh itu, penambahbaikan perlu dilakukan melalui penyediaan latihan berterusan supaya pendidik boleh mengembangkan bahan pendidikan menjadi lebih inovatif. Kesimpulannya, kajian ini memberikan sumbangan yang penting terhadap pemahaman tentang hubungan antara kurikulum rasmi dan tersembunyi serta potensi media animasi dalam pendidikan, yang perlu diteruskan dan diperkembangkan untuk manfaat generasi akan datang.

Penghargaan

Alhamdulillah. Terima kasih kepada pihak Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah yang memberi peluang agar penulisan ini diterbitkan. Semoga hasil kerja ini memberi manfaat kepada pembaca.

Rujukan

- Abas, A. B. (2024). Strategi pengajaran dan pembelajaran holistik berasaskan nilai-nilai Islam bagi kanak-kanak prasekolah Islam di Johor Bahru (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan).
- Abd Rahman, N. N. H., Arib, N. M. & Karim, D. N. P. M. (2024, October). Implikasi Kursus Falsafah Dan Isu Semasa Terhadap Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelekt. In Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2024 (p. 221-228).
- Abdullah, S. A. Y., Siren, N. H., & Mansor, N. H. (2023). Criteria Content Of Animated Series Upin And Ipin From The View of Production Les'copaque Company. *Jurnal YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 3(1), 74-94.
- Abdullah, S. H. N., & Hassan, Z. (2024). Penjana Kemahiran Insaniah Melalui Pengamalan Hisbah: Generating Soft Skills Through Practice of Hisbah. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(1), 286-297.
- Adiati, C. C., Firdaus, R., & Nurwahidin, M. (2023). Efektivitas video animasi terhadap hasil belajar siswa. *Akademika*, 12(01), 69-81.
- Ariff, S. N. M., & Yaakub, Y. (2023). Pembentukan perpaduan di Malaysia melalui nilai budaya dalam animasi Upin dan Ipin (Unity Formation in Malaysia Through Cultural Values in Upin and Ipin Animation). *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 1, 82-94.
- Asy'ariyah, N. Z., Arief Y.S., & Krisnana, I. (2015). Storytelling sebagai upaya meningkatkan konsumsi sayur. *Jurnal Pediomaternal*, 3(1), 1-10.
- Aziz, A. M., Aswati, D., Agtyasha, G. S., Ramadhani, N. S., Nuwair, S. H., Ananda, T., & Marini, A. (2023). Penerapan Model PAIKEM untuk Meningkatkan Hasil Belajar IPS Siswa Sekolah Dasar (Studi Kepustakaan). *Jurnal Pendidikan Dasar Dan Sosial Humaniora*, 2(12), 1673-1680.
- Azizan, N. I., Ismail, N., Zin, S. M. M., Sani, K., & Halim, A. A. (2025). Konsep Pendidikan Ibn Khaldun dan Amalan Pendidikan di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(1), 1-11.
- Bujangga, H. (2024). Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Tradisi Lisan Kekeberen (Suatu Penelitian Etnografi Pada Masyarakat Gayo Aceh Tengah) (Doctoral dissertation, UIN Ar-Raniry Pascasarjana S3 Pendidikan Agama Islam).
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A. (2020). Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *e-BANGI Journal*, 17(9).
- Fadzil, N. S., & Ahmad, J. (2010, November). Kepentingan kokurikulum dalam pendidikan di sekolah menengah. In *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education* (pp. 59-69).
- Fajar, M. M., Murtinugraha, R. E., & Arthur, R. (2023, September). Kajian Literatur: Efektivitas Media Video Animasi Pada Pembelajaran Bersifat Teori. In *Prosiding Seminar Pendidikan Kejuruan dan Teknik Sipil (SPKTS)* (Vol. 1).
- Gengatharan, K., & Rahmat, A. (2019). Keperluan modul pentaksiran pendidikan kesihatan untuk guru tahap satu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 8(2), 19-27.
- Hamdani, F., & Bakhit, M. E. A. (2025). Penanaman Nilai Toleransi Pada Anak Melalui Sinema Animasi: Studi Analisis Karakter Tokoh Sinema Upin dan Ipin. *Indonesian Journal of Islamic Religious Education*, 3(1), 87-100.
- Handayani, S., Dwiputri, I. N., & Prayitno, P. H. (2025). Pendampingan Akselerasi Pendidikan Non-Formal Pada Ikatan Keluarga Madura (Ikma) Di Malaysia Dalam Upaya Peningkatan Literasi Global Siswa. *Integritas: Jurnal Pengabdian*, 9(1), 215-227.

- Hazir, O., & Harris, R. (2025). Inclusive education in primary education teacher training in Türkiye: An absent curriculum? *Journal of Research in Special Educational Needs*, 00, 1–13. <https://doi.org/10.1111/1471-3802.70002>
- Institut Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan Negara (NIOSH). (2025). E-book panduan keselamatan dan kesehatan pekerjaan di sekolah. Dikemaskini 14 Julai 2025. Diakses 17 Julai 2025, dari <http://www.niosh.com.my/publication/ebook-2>
- Ismail, N., & Khalid, M.K.A. (2024). Tanggungjawab individu terhadap kesihatan dan kesejahteraan. *Majalah PP Biologi UiTMCNS*, 10(2024).
- Ismail, S. H. S., Hamjah, S. H., Khambali, K. B. M., Ismail, A., & Daud, M. Z. B. M. (2021). Isu Kekeluargaan Dan Sosiobudaya Masa Kini: Punca Dan Penyelesaiannya Bagi Input Pelan Pembangunan Dakwah Di Malaysia: The Current Familiar And Sociocultural Issue: Causes And Its Solutions For The Da'wah Development Plan Input In Malaysia. *Jurnal Yadim: International Journal Of Islam And Contemporary Affairs*, 1(2), 1-20.
- Ixfina, F. D., & Rohma, S. N. (2025). Dasar-Dasar Pendidikan sebagai Pembentuk Moral dan Intelektual Peserta Didik di Sekolah Dasar. *J-CEKI: Jurnal Cendekia Ilmiah*, 4(2), 222-231.
- Johori, M. R., Bakar, S. A., Miskam, S., Ismail, A. Y., & Zainuddin, G. (2025). Analisis Tematik Terhadap Artikel-Artikel Dalam Jurnal Al-Mimbar Bagi Tahun 2024:(Thematic Analysis Of Articles In The Al-Mimbar Journal For The Year 2024). *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 5(1), 1-14.
- Kum Boo. (1978). Panduan kawad kecemasan kebakaran di sekolah-sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kristianingtyas, E. R., & Kristinawati, W. (2025). Hubungan Antara Harga Diri Dengan Kecenderungan Anorexia Nervosa Pada Remaja Perempuan. *Journal of Innovation Research and Knowledge*, 4(11), 8553-8562.
- Liputo, M. R. (2024). Metodologi Dalam Studi Islam: Tantangan Dan Peluang. *Jurnal At-Tarbiyyah: Jurnal Ilmu Pendidikan Islam*, 10(2), 161-178.
- Mahadjani, M., Yahiji, K., Ibrahim, S., & Usman, R. T. (2025). Konsep Pendidikan Tauhid, Moral, Dan Rohani Menurut Al-Qur'an. *Inovasi Pendidikan Nusantara*, 6(2).
- Mohid, S. Z., Ramli, R., Khalid, N., & Ab Rahman, N. F. (2024). Pendidikan Stem Dan Teknologi Multimedia: Tinjauan Awal. Kertas kerja dibentangkan di 7th National Pre-University Seminar, Universiti Selangor, Selangor, Malaysia.
- Moriates, C., Arora, V., & Shah, N. (2015). Building a pipeline of change: Teaching about cost awareness and evidence-based medicine. In *Understand Value-Based Health Care* (pp. 210–222). McGraw Hill Education.
- Muniandy, A., & Badayai, A. R. A. (2025). Hubungan Di Antara Pengalaman Negatif Zaman Kanak-Kanak Dan Daya Tahan Dengan Masalah Emosi Dalam Kalangan Dewasa Awal. *Jurnal Wacana Sarjana*, 9(1), 1-9.
- Nasir, N. C. M., Kamaluddin, M. R., Jasni, M. A., & Pauzi, H. M. (2021). Lebihan Berat Badan Dan Obesiti Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja: Faktor Risiko Dan Implikasinya. *e-BANGI Journal*, 18(6).
- Nurfaridah, M. R. (2022). Pengembangan Media Pembelajaran Video Animasi Keselamatan Kebakaran Pada Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani Kelas Ix Smp Bps&K Jakarta Timur. *Jurnal Pendidikan Teknik dan Vokasional*, 5(2), 126-134.
- Nurrisa, F., & Hermina, D. (2025). Pendekatan kualitatif dalam penelitian: Strategi, tahapan, dan analisis data. *Jurnal Teknologi Pendidikan Dan Pembelajaran* | E-ISSN: 3026-6629, 2(3), 793-800.

- Omar, R., & Hamzah, N. (2025). Kemahiran Interpersonal dan Kepimpinan Berkesan: Analisis Kompetensi Pendidikan dalam Pengurusan Sekolah. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 6(1), 61-68.
- Rahman, M. H. A., Marzuki, M., Ali, A. H., Abd Latiff, A. N., & Mokhtar, S. (2022). Pelaksanaan Kegiatan Ko-Kurikulum Dan Kemudahan Fasilitas Di Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) dalam Mencapai Kecemerlangan Pendidikan Sekolah Negeri Terengganu. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, 7(45), 18-34.
- Raya, A. T., & Rahim, H. (2022). Implementasi dan implikasi kurikulum bahasa arab pada era reformasi terhadap kemampuan bahasa arab peserta didik di madrasah aliyah negeri 1 kota metro lampung. *Sekolah Pascasarjana UIN Syarif Hidayatullah Jakarta*.
- Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam membangunkan modal insan bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103.
- Rozali, Y. A. (2022, January). Penggunaan analisis konten dan analisis tematik. In *Penggunaan Analisis Konten Dan Analisis Tematik Forum Ilmiah* (Vol. 19, p. 68).
- Salsidu, S. Z., Azman, M. N. A., & Pratama, H. (2018). Trend pembelajaran menggunakan multimedia interaktif dalam bidang pendidikan teknikal: Satu sorotan literatur. *Sains Humanika*, 10(3).
- Steven, S. (2023). Pengaruh Nilai Budaya Malaysia Dalam Animasi Upin Ipin Terhadap Perilaku Komunikasi Siswa SD Kristen Elim Makassar (Doctoral dissertation, Universitas Fajar).
- Syakhriani, A. W., Fathiyah, F., Janah, F., & Fauziyyah, F. (2022). Sistem Pendidikan Di Negara Malaysia. *Educational Journal: General and Specific Research*, 2(2), 320-327.
- Wang, M. (2023). The Impact of Animation and Film English Education Environment on Students' Psychological Health. *Revista Iberica de Sistemas e Tecnologias de Informacao*, (E62), 660-671.
- Wong, S. H. (2019). Penggunaan “Teknik Jalinan Cerita” untuk meningkatkan penguasaan dan ingatan pelajar terhadap kata majmuk bentuk mantap. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 106-120.
- Yuanyuan, C., Yahaya, W. A. W., & Jun, Z. (2024). Exploring Interactive Animation Teaching For Children And Adolescents' Mental Health And Emotional Wellness. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 20, 70-79.
- Zaini, N. M., & Muhamad, T. A. (2022). Hubungan antara Kecergasan Fizikal dengan Prestasi Kokurikulum dalam kalangan Murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001269-e001269.